

24/06/2002

Pendidikan: Malaysia pilihan Timur Tengah

Syuhada Choo Abdullah

BERTEPATAN dengan matlamat negara menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau, Malaysia kini semakin mendapat perhatian serta tumpuan masyarakat Timur Tengah sebagai antara alternatif destinasi utama untuk melanjutkan pelajaran.

Pengarah Serantau - Asia Tenggara, Inter Expo Management Services, syarikat penganjur pameran pendidikan ke peringkat antarabangsa, Sheeda A Bawthan, berkata sebilangan masyarakat berkenaan mula mengalihkan perhatian daripada negara tradisi untuk mengikuti pengajian sebelum ini ekoran konflik yang melanda Timur Tengah dengan Barat.

Beliau berkata, antara faktor penting yang mendorong kecenderungan ibu bapa di sana menghantar anak mereka melanjutkan pelajaran ke Malaysia ialah kestabilan senario dalam negara, khususnya dari segi keselamatan, di samping imej bersih Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang liberal.

Berdasarkan maklum balas diterima ketika mengendalikan ekspso pendidikan Malaysia di Timur Tengah sebelum ini, katanya, kebanyakan pengunjung berkeyakinan terhadap ketinggian standard dan kualiti pendidikan negara.

Lebih membanggakan, beliau berkata, masyarakat berkenaan juga mengenali Malaysia sebagai destinasi pelancongan, pendidikan dan perniagaan yang menarik, lebih-lebih lagi selepas menerima kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ketika ini, masyarakat di Timur Tengah sedang meninjau destinasi alternatif untuk tujuan melanjutkan pelajaran ke seberang laut dan Malaysia ialah antara tumpuan utama mereka kerana pelbagai faktor tarikan seperti kestabilan serta keharmonian kehidupan di sini dengan amalan agama dan budaya yang sama.

"Oleh itu, institusi pengajian di Malaysia harus memanfaatkan peluang ini untuk menarik seramai mungkin pelajar dari sana melalui aktiviti promosi seperti yang dianjurkan oleh Inter Expo Management Services.

"Tambahan pula, difahamkan ada ibu bapa di sana memanggil balik anak mereka daripada mengikuti pengajian di negara Barat ekoran tekanan yang kian meningkat. Dalam konteks ini, mereka melihat Malaysia sebagai destinasi ideal dan sesuai untuk tujuan pendidikan," katanya kepada Berita Harian selepas sesi taklimat di Subang Jaya, baru-baru ini.

Taklimat yang disampaikan kepada wakil institusi pengajian tinggi awam dan swasta itu ialah mengenai Ekspo Pendidikan Malaysia 2002 ke Sudan, Arab Saudi, Iran, Maghribi dan Libya anjuran Inter Expo Management Services, tidak lama lagi.

Ekspo di Sudan akan diadakan di Khartoum pada 5 sehingga 7 Ogos ini, Riyadh (Arab Saudi) pada 13 sehingga 15 September, Teheran (Iran) pada 17 sehingga 21 September, Rabat (Maghribi) pada 24 sehingga 26 September, dan Tripoli (Libya) pada 28 sehingga 30 September.

Berdasarkan maklumat semasa, antara bidang pengajian yang menjadi tumpuan pelajar di negara terbabit ialah kejuruteraan, perubatan, multimedia, teknologi maklumat serta pentadbiran.

Sehubungan itu, Sheeda berkata, institusi pengajian tinggi tempatan dialu-alukan untuk memanfaatkan peluang mempromosi tawaran pendidikan negara ke rantau terbabit, dan pihaknya akan menguruskan keperluan perjalanan serta kemudahan berkaitan.

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi Reena Aziz di talian telefon 03-80234902, faks: 03-80234982 atau alamat 85-3, Jalan USJ 21/10, 47620 UEP Subang Jaya, Selangor.

Sementara itu, Eksekutif Pentadbiran dan Pemasaran di Pusat Kejuruteraan Perisian Termaju, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Fazrena Md Sohot, berkata UTM berpuas hati dengan sambutan memberangsangkan yang diterima hasil menyertai ekspo berkenaan sebelum ini, termasuk ke Jeddah, Oman dan Dubai.

Ekoran itu, katanya, kira-kira 20 pelajar dari sana sedang mengikuti pengajian peringkat ijazah lanjutan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat di kampus Skudai.

"Pelajar dari sana jelas gembira, selesa dan menyukai suasana di Malaysia yang bukan saja harmoni serta stabil tetapi juga menyediakan pendidikan berkualiti dengan kos yang rendah.

"Ketika mengikuti ekspo berkenaan, didapati masyarakat di sana begitu mengenali Malaysia dan Perdana Menteri kita," katanya.

Perkembangan positif berkenaan turut diakui oleh Pengurus Pemasaran LimKokWing Institute of Creative Technology, Ikhwan Firdaus Chin, yang sudah mengikuti beberapa siri eskpo ke luar negara anjuran Inter Expo Management Services.

Katanya, Timur Tengah adalah pasaran yang berpotensi untuk diterokai, lebih-lebih lagi Malaysia memiliki kelebihan sebagai negara Islam dengan corak kehidupan harmoni.

Beliau berkata, institut itu menerima kemasukan kira-kira 20 pelajar dari sana dan lebih menarik lagi, pelajar terbabit yang berpuas hati dengan pengajian di Malaysia turut mempromosi peluang pendidikan tanah air kepada kenalan di negara asal mereka.

"Bagi mereka, Malaysia adalah sebuah negara unik dengan gabungan pelbagai kaum yang hidup harmoni, selamat dan bergerak ke arah kemajuan. Sebelum ini, mereka tertumpu kepada peluang pendidikan di Barat tetapi kini perhatian itu sudah beralih.

"Pelajar dari sana jelas selesa di Malaysia, malah keluarga mereka turut melawat anak sambil melancong di sini," katanya.

(END)